

# Malaysia tidak berniat jadi proksi kuasa2 besar — Mahathir

149

UM 9 JUN 1981  
KUALA LUMPUR, 8 Jun — Malaysia tidak berniat untuk menjadi proksi mana-mana kuasa besar dan juga tidak mahu dijadikan sasaran mereka, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, cara paling berkesan mengelak kemungkinan itu ialah Malaysia lebih berdikari dalam se-berapa banyak bidang yang boleh.

Ini, tambah beliau, adalah satu hakikat yang terpaksa diterima kerana pada akhirnya kemampuan sesebuah negara mempertahankan kebebasannya sendiri yang menentukan masa

depannya. Beliau menegaskan demikian ketika berucap merasmikan Per- sidangan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah di Dewan Tunku Abdul Rahman hari ini.

Katanya, sesuai dengan pendirian yang mahukan keamanan dunia, Malaysia telah pun berkali-kali menegaskan supaya kuasa-kuasa besar tidak campur tangan dalam hal ehwal negara-negara asing.

Kita kluatir campur tangan sedemikian jika berterusan akan ber-kekalan akan menjadi faktor yang mungkin mencetuskan pe- perangan antara kuasa-kuasa b e s a r .

“Pada kebiasaannya, kuasa-kuasa besar suka menggunakan proksi untuk melangsungkan serta menguji dasar dan alatan perang mereka. Jadi ingin saya tegaskan di sini bahawa Malaysia tidak berniat untuk menjadi proksi kepada mana-mana pihak atau dijadikan sasaran mereka,” katanya.

Sejajar dengan hasrat hendak mempertahankan kebebasan negara, beliau memberitahu Malaysia telah dan sedang membuat berbagai persediaan yang perlu bagi menangkis sebarang kemungkinan berkenaan.

Antaranya ialah, langkah membesarkan angkatan tentera, menguatkan lagi ekono- mi negara serta mening- katkan lagi semangat ketahanan negara di kalangan rakyat.

sama ada secara di- ketahui atau tidak.

Sejajar dengan ini, beliau telah mengecam hebat golongan rakyat yang menurutnya tidak mahu menyamakan diri-nya dengan negara scolah-olah tanggung- jawab terhadap negara adalah semata-mata tanggungjawab kera- jaan.

Tegasnya, “mereka ini sanggup memburuk- burukkan imej ne- garanya sendiri bukan sahaja di dalam negeri malah di luar neeri dalam forum-for& antarabangsa dan sebagainya.

“Apa yang agak lebih menyedihkan ialah bila mana kumpulan-kum- pulan yang saya maksudkan itu terdiri dari mereka yang men- dapat tajaan dari kerajaan.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir dalam ka-  
dekad lapan puluhan ini  
jelas kelihatan persai-  
ngan yang hebat di  
antara kuasa-kuasa  
besar dunia bagi  
mendapatkan kawasan-  
kawasan yang strategik  
melalui cara langsung  
atau penggunaan proksi.

Katanya, "untuk  
maksud ini kuasa-kuasa  
besar akan bergiat  
mendapatkan lebih  
banyak negara-negara  
kecil yang sanggup  
tunduk di bawah arahan  
dan kawalan politik me-  
reka.

"Walaupun dari segi  
hubungan diplomasi  
mereka secara zahir  
menunjukkan sikap per-  
sahabatan dan berbaik-  
baik tetapi secara halus  
manipulasi tertentu  
masih dijalankan untuk  
mencapai matlamat itu."

Dalam usaha itu juga,  
kata Timbalan Perdana  
Menteri, mereka  
biasanya akan menggu-  
nakan orang-orang Yang  
sudah tersisir dan tidak  
mempunyai tempat  
sebagai alat mereka

Tambah beliau mere-  
ini tidak segan-segan  
mengecap nikmat hasil  
kebebasan dan kejayaan  
negara sementara  
mereka bertindak  
mengecam dan mem-  
burukkan punca nikmat  
mereka.

Di dalam negeri pula,  
katanya, sering kali  
tentangan yang ditujuk-  
kan kepada kerajaan  
datang dari kalangan  
rakyat yang berada di  
kawasan di mana pem-  
angunan telah di-  
laksanakan.

Datuk Sri Dr.  
Mahathir berkata,  
"mereka ini sering  
menganggap apa yang  
diperolehi itu sebagai  
perkara biasa yang  
mereka tidak perlu ber-  
syukur kerananya.

"Keinsafan dan kese-  
daran tidak ada pada  
mereka, jauh sekali se-  
mangat patriotisme atau  
cintakan negara. Mereka  
menerima sahaja tanpa  
memberi apa-apa sum-  
bangan terhadap negara.

Persidangan tiga hari  
itu telah dihadiri oleh 95  
orang pegawai daerah  
dari seluruh negara.